

**Peranan Baitulmal Sebagai Institusi Kebajikan Ahli Waris Orang Hilang (*al-Mafqūd*): Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)**

*The Role of Baitulmal as a Welfare Institution for the Heirs of Missing Persons (*al-Mafqūd*): A Study of the Federal Territories Islamic Religious Council (MAIWP)*

Nor Amira Abd Shakor<sup>✉</sup> Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Baitulmal merupakan institusi pengurusan harta yang berfungsi dalam mengendalikan harta orang Islam. Ia juga berperanan sebagai institusi kebajikan membasmi kemiskinan masyarakat dan membantu orang Islam yang memerlukan bantuan. Hal ini termasuklah mereka yang kehilangan seseorang (ketua keluarga) sebagai tempat bergantung dalam suatu tempoh yang lama dan tidak diketahui status hidup dan matinya. Situasi tersebut dikategorikan sebagai orang hilang (*al-mafqūd*). Timbul persoalan mengenai peranan yang dimainkan oleh Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) terhadap ahli waris *al-mafqūd* sepanjang tempoh kehilangan berlaku. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengetahui kedudukan *al-mafqūd* berdasarkan peruntukan yang diguna pakai oleh Baitulmal MAIWP dan mengenal pasti peranan Baitulmal MAIWP dalam memelihara kebajikan ahli waris *al-mafqūd*. Metodologi penyelidikan kajian ini adalah secara kualitatif merangkumi pengumpulan data dan maklumat melalui kaedah analisis kandungan secara deskriptif termasuk penelitian terhadap Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 502] serta temu bual terhadap informan iaitu seorang Pegawai di Bahagian Agihan Zakat, MAIWP. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat definisi khusus *al-mafqūd* di dalam peruntukan Baitulmal MAIWP, namun bidang kuasanya terhad. Dari aspek peranannya terhadap kebajikan ahli waris *al-mafqūd* pula, Baitulmal MAIWP menyediakan skim-skim bantuan yang boleh dipohon seperti Skim Bantuan Kecemasan, Skim Bantuan Nafkah dan Keperluan Asas, Skim Bantuan Perubatan dan sebagainya. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada masyarakat tentang peranan Baitulmal MAIWP sebagai institusi yang boleh dirujuk dari aspek kebajikan sekiranya berlaku kehilangan ahli keluarga. Di samping itu, kajian susulan berkenaan bidang kuasa Baitulmal juga perlu dilakukan dengan lebih mendalam khususnya di Wilayah Persekutuan termasuk peranan Baitulmal MAIWP sebagai institusi kebajikan ahli waris *al-mafqūd* juga wajar diperkasakan dengan lebih komprehensif agar ia tidak terhad kepada aspek kewangan sahaja

### KATA KUNCI

*Baitulmal, MAIWP, Orang Hilang, al-Mafqūd, Kebajikan.*

### ABSTRACT

*Baitulmal is a Islamic institution tasked with managing the assets of Muslims. It also serves as a welfare institution to combat poverty and assist Muslims in need. This includes individuals who lose a family member, particularly a breadwinner, for an extended period without knowledge of their status, whether alive or deceased—a situation categorized as missing persons (*al-mafqūd*). This study explores the role of Baitulmal within the Federal Territories Islamic Religious Council (MAIWP) in supporting the heirs of *al-mafqūd* during the period of uncertainty. Specifically, the research aims to determine the legal position of *al-mafqūd* as outlined by MAIWP and to identify the welfare roles Baitulmal plays in aiding the heirs of *al-mafqūd*. The research employs a qualitative methodology, gathering data through content analysis and descriptive evaluation, including a review of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 [Act 502], and conducting interviews with an informant from MAIWP's Zakat Distribution Division. Findings reveal that while Baitulmal MAIWP provides a specific definition of *al-mafqūd* within its framework, its*

### Article History

Received: August 8 2024

Revised: November 27, 2024

Accepted: December 5, 2024

Published: December 25, 2024

### ✉ Contact

Nor Amira Abd Shakor  
(Corresponding Author)  
amirashakor97@gmail.com

### Citation

Nor Amira Abd Shakor, Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said. 2024. Peranan Baitulmal Sebagai Institusi Kebajikan Ahli Waris Orang Hilang (*al-Mafqūd*): Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). *Journal of Contemporary Islamic Law*. 9(2): 13-20.

### Copyright

© 2024 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

*jurisdiction is limited. In terms of welfare roles, MAIWP's Baitulmal offers several assistance schemes, including Emergency Assistance, Maintenance and Basic Needs Assistance, Medical Aid, and more. This study aims to provide guidance to the public on the role of Baitulmal MAIWP as a welfare institution for families of missing persons. Additionally, further research is needed to examine Baitulmal's jurisdiction comprehensively, particularly in the Federal Territories. Strengthening the role of Baitulmal MAIWP as a welfare institution for the heirs of al-mafqūd is essential, ensuring it extends beyond financial assistance to offer more holistic support.*

## KEYWORDS

*Baitulmal MAIWP, Missing Persons, al-Mafqūd, Welfare.*

## PENGENALAN

Baitulmal merupakan sebuah pusat perbendaharaan negara yang telah ditubuhkan sejak zaman Rasulullah S.A.W, kemudian dikembangkan oleh para sahabat, *Khulafa' al-Rāshidīn* sehingga ke hari ini. Definisi Baitulmal boleh dipecahkan kepada dua patah perkataan Bahasa Arab iaitu *bayt* yang bermaksud rumah, kediaman, bangunan dan binaan dan *al-māl* yang bererti harta (Majma<sup>c</sup> al-Lughah al-<sup>c</sup>Arabīyah 2004). Baitulmal diperincikan sebagai tempat mengumpul harta dari sumber-sumbernya seperti zakat, *ghanimah* dan *kharaj* yang dikelola dan diuruskan oleh khalifah atau pemerintah (cAbdul Karīm al-Khatīb 1998). Menurut Ibn Manzūr (1414), baitulmal merupakan rumah yang menerima sesuatu harta dan fungsinya adalah untuk menyimpan dan mengagihkannya. Manakala (Mohammad Haji Alias & Mohd Farihal Osman 2018) menjelaskan Baitulmal sebagai sebuah institusi kewangan Islam bukan bank yang berfungsi untuk menerima, mengumpul, mengagih dana-dana, wang, harta, hasil pendapatan negara dari pelbagai sudut untuk kepentingan pembangunan rakyat dan negara.

Baitulmal juga dianggap sebagai wakil pemerintah dalam menyatukan dan menguruskan pelbagai sumber hasil negara meliputi harta alih dan tak alih mengikut hukum syarak di samping menjadi institusi kebajikan membasmi kemiskinan masyarakat (Nor Amira Abd Shakor 2023). Dari sudut fungsinya, ia sinonim dengan organisasi kewangan Islam yang melibatkan tiga konsep iaitu harta (*al-māl*), amanah dan keadilan sosial (Muhammad Assyifaa Ulhayat Jahidin et al. 2021). Di Malaysia, bidang kuasa bagi pengurusan harta amanah orang Islam dikhususkan ke atas negeri melalui Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Melalui peruntukan ini, institusi Baitulmal diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai suatu badan yang boleh bertindak ke atas harta amanah selaras dengan peruntukan Seksyen 5(4), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]:

Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai *wasī* sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir

harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.

Berdasarkan peruntukan ini, Majlis telah menubuhkan Baitulmal sebagai satu pusat yang boleh dilantik sebagai *wasī*, pentadbir harta dan pemegang amanah ke atas harta orang Islam yang diamanahkan kepadanya. Namun demikian, pelaksanaannya pada hari ini tidak lagi melibatkan keseluruhan sumber hasil negara sebagaimana pada zaman Rasulullah S.A.W dan para *Khulafa' al-Rāshidīn* kerana bidang kuasa terhad kepada peruntukan Seksyen 60(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] iaitu:

Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang.

Merujuk kepada peruntukan di atas, bidang kuasa Baitulmal hanya dijelaskan secara umum sahaja dan tidak diperincikan sumber harta tersebut. Kajian Fariza Mohamad Tajuddin (2016) mendapati hanya Baitulmal di negeri Kelantan dan Sarawak sahaja yang mempunyai peruntukan yang terperinci berkaitan penubuhan Baitulmal, fungsi dan sumber pendapatannya. Manakala di negeri-negeri lain hanya menyentuh secara atas dasar sahaja sebagaimana peruntukan Seksyen 60(1) di atas. Misalnya peruntukan berkenaan sumber pendapatan Baitulmal, Seksyen 43, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat istiadat Melayu Kelantan 1994:

43. (1) Sumber Baitulmal hendaklah termasuk juga –
- (a) harta-harta pusaka orang Islam yang mati yang bermastautin dalam Negeri ini sebelum atau selepas tarikh Enakmen ini mula berkuat kuasa;
  - (b) sebarang harta tak alih dalam Negeri ini yang menjadi pusaka seseorang Islam yang mati sebelum atau selepas Enakmen ini dikuat kuasakan sama ada di dalam atau di luar Negeri ini atau sama ada dia bermastautin di dalam Negeri ini atau tidak; dan
  - (c) sebarang harta yang diserahkan kepada Majlis atau harta yang tidak ditentukan pemiliknya.

Selain itu, peruntukan berkenaan penggunaan sumber pendapatan Baitulmal juga dinyatakan secara khusus menerusi Seksyen 46, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001:

46. Baitulmal hendaklah digunakan bagi –
- (a) memajukan, membantu dan menggalakkan agama Islam;
  - (b) faedah orang-orang Islam mengikut undang-undang Islam;
  - (c) kemajuan ekonomi dan sosial dan kesejahteraan Masyarakat Islam;
  - (d) membantu meringankan keadaan kemiskinan di kalangan orang Islam;
  - (e) memberi pinjaman atau selainnya kepada individu-individu beragama Islam bagi tujuan Pendidikan tinggi di bawah skim yang ditubuhkan di bawah Seksyen 5(2)(f);
  - (f) mengadakan dan menyenggara tempat-tempat ibadat dan tanah perkuburan orang Islam;
  - (g) mengadakan kemudahan-kemudahan agama dan Pendidikan bagi orang Islam;
  - (h) membayar apa-apa kos, caj dan perbelanjaan bagi menyenggara dan mentadbirkan harta dan aset Baitulmal yang terletak hak pada Majlis;
  - (i) gaji dan elaun kepada semua agen, pegawai dan pekhidmat Majlis yang diambil bertugas untuk mentadbirkan Baitulmal;
  - (j) fi dan elaun yang kena dibayar kepada anggota-anggota Majlis dan Lembaga dan anggota-anggota jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis dan Lembaga masing-masing di bawah Ordinan ini dan kepada mana-mana orang yang dijemput menghadiri mana-mana mesyuarat di bawah Seksyen 18;
  - (k) membayar apa-apa kos, caj dan perbelanjaan bagi melaksanakan Ordinan ini dan berkaitan dengan pentadbiran Baitulmal; dan
  - (l) apa-apa maksud khairat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dengan kelulusan Menteri.

Di sisi syarak, sumber harta Baitulmal terbahagi kepada dua (al-Shalabī 1993) iaitu sumber bersifat tetap (*dawrīyah*) seperti zakat, *kharaj*, *jizyah* dan *ushur*. Manakala yang kedua pula ialah sumber bersifat tidak tetap (*ghayr dawrīyah*) seperti *ghanimah* dan *fai'*, *ma'adin*, *rikāz*, harta peninggalan si mati yang tidak mempunyai waris (pusaka) dan segala bentuk harta yang tidak diketahui pemiliknya (*luqatah*) termasuklah harta orang hilang (*al-mafqūd*).

Berdasarkan salah satu sumber harta Baitulmal yang dinyatakan, harta *al-mafqūd* ialah harta bagi seseorang yang hilang yang tidak dapat dipastikan status pemiliknya sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia (Wan Zahari Wan Yusoff et al. 2019). Perkataan *mafqūd* berasal daripada kalimah Bahasa Arab yang bermaksud hilang (Ibn Manzūr 1414; Majma' al-Lughah al-<sup>o</sup>Arabīyah 2004). Dari sudut istilah, ia bermaksud seseorang yang hilang dari tempatnya dalam suatu tempoh yang lama tanpa sebarang khabar berita dan tidak diketahui statusnya sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia (al-Khin et al. 2015). Manakala undang-undang di

Malaysia sama ada Syariah atau Sivil, kedua-duanya tidak mengguna pakai istilah *al-mafqūd* di dalam peruntukan namun dapat difahami oleh pengamal undang-undang sebagai orang hilang, orang yang tidak dapat dijumpai atau seseorang yang tidak didengar khabar mengenainya (Nor Amira Abd Shakor 2023). Di peringkat Polis Diraja Malaysia (PDRM), orang hilang merupakan mana-mana orang yang tidak dapat dikesan atau tidak dapat diketahui kedudukannya, tanpa mengira cara mana kehilangannya sehingga dikesan, dijumpai atau diketahui kedudukannya (Wan Zahari Wan Yusoff et al. 2019). Adapun menurut Suhana dan Muhammad Ismail (2022), jika tidak ada tafsiran yang terdapat di dalam suatu statut sebagaimana perkataan *al-mafqūd* setelah merujuk kepada Akta Tafsiran 1948 & 1967 [Akta 388], maka rujukan daripada manuskrip Arab seperti pandangan fuqaha mazhab adalah bertepatan bagi mentafsirkan maksud statut tersebut.

Berkenaan peruntukan tempoh penantian *al-mafqūd*, terdapat perbezaan tempoh di peringkat perundangan Syariah dan Sivil. Di peringkat perundangan Syariah, kebanyakan negeri menetapkan tempoh penantian selama empat tahun, manakala bagi negeri Terengganu pula tempoh yang diperuntukkan adalah sebagaimana undang-undang Sivil iaitu tujuh tahun. Perkara ini dinyatakan dalam Seksyen 50(1), Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam [Enakmen 12 Tahun 1985]:

Jika suami seseorang perempuan telah mati, atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh tujuh tahun atau lebih, dan hal keadaan adalah sebegitu hingga dia patut, bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap menurut Hukum Syara' sebagai telah mati, tetapi perakuan kematian di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] tidak dapat diperolehi, Mahkamah boleh, atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa penyiasatan yang wajar, mengeluarkan, dalam borang yang ditetapkan, suatu perakuan menganggap suami itu telah mati, dan kemudian daripada itu perempuan itu adalah bebas berkahwin semula mengikut Enakmen ini.

Penetapan tempoh ini adalah bagi tujuan pencarian dan mengesahkan kematian *al-mafqūd*. Sepanjang tempoh tersebut, *al-mafqūd* dianggap kekal sebagai orang yang masih hidup. Suatu Perintah Anggapan Kematian akan dikeluarkan selepas kematian *al-mafqūd* disahkan atau tamat tempoh penantian. Hal ini penting kerana ia mempunyai hubungan kait terhadap pelbagai perkara seperti perkahwinan, pembahagian harta pusaka dan sebagainya. Biar pun terdapat perbezaan tempoh penantian sebagaimana yang dinyatakan, dari aspek bidang kuasa itu jelas kerana dokumen perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah hanya terbatas terhadap isu pembubaran perkahwinan manakala Mahkamah Sivil adalah segala yang berkaitan harta *al-mafqūd* (Ahmad Tarmizi et al. 2013; Mohamed Hadi 2014; Mohd Muslim & Siti Mashitoh 2016).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Berkenaan isu kebajikan ahli waris *al-mafqūd*, pengkaji menemui beberapa permasalahan kajian yang menjadi sandaran utama kajian ini dilakukan. Pertama, ketidakjelasan undang-undang Sivil dan Syariah berkenaan kebenaran ahli waris menggunakan harta *al-mafqūd* tanpa keizinan pemiliknya semasa tempoh penantian. Pada asasnya, majoriti ulama bersepakat untuk tidak membenarkan harta ini digunakan tanpa keizinan pemiliknya, dijual atau diagihkan kepada ahli waris yang lain selagi ia tidak disahkan telah meninggal dunia (al-Khin et al. 2015; al-Marghūnānī t.th.). Harta tersebut dianggap sebagai harta orang yang masih hidup sebagaimana hukum asal seseorang itu adalah hidup (al-Khin et al. 2015). Bahkan jika dilihat dari sudut pelaksanaan undang-undang Sivil hari ini juga tidak membenarkan sesiapa menggunakan harta atau pemilikan seseorang yang lain, memindah milik, melupuskan atau melakukan transaksi melainkan dengan kebenaran pemilik atau perintah mahkamah (Mohd Kamarul Khaidzir Saadan et al. 2019). Lebih-lebih lagi situasi *al-mafqūd* kerana pastinya mustahil bagi seseorang mendapatkan izin untuk menggunakan harta yang pemiliknya telah hilang.

Menurut kajian Wan Zahari Wan Yusoff et al. (2019), tiada sebarang peruntukan khas undang-undang di Malaysia yang membenarkan harta tak alih seperti tanah milik *al-mafqūd* digunakan, dipindah milik, dicagar, disewa atau ditadbir semasa tempoh kehilangan berlaku. Melainkan jika pemiliknya pernah melakukan perjanjian atau melantik sesiapa untuk melakukan perkara tersebut. Pandangan al-Marghūnānī (2008), larangan ini adalah disebabkan oleh risiko pengurangan harta *al-mafqūd* dan dikhuatiri akan memberi kesan terhadap nafkah isteri dan anak-anak *al-mafqūd* sepanjang tempoh kehilangannya. Persoalannya, adakah isteri dan anak-anak *al-mafqūd* mempunyai hak untuk menggunakan dan mengambil sebahagian daripada harta *al-mafqūd* sedangkan pemiliknya telah hilang? Atau terdapat undang-undang yang mengecualikan kebenaran tersebut bagi tujuan kebajikan ahli waris *al-mafqūd*? Dalam konteks perundangan semasa terutama perundangan Sivil, tidak ada ketetapan yang jelas berkenaan permasalahan ini.

Kedua, keterbatasan jaminan nafkah isteri dan anak-anak *al-mafqūd* semasa tempoh penantian. Kehilangan ketua keluarga dalam suatu tempoh yang tidak diketahui, pastinya memberi kesan yang besar terhadap nafkah keluarga. Berdasarkan perundangan semasa, pihak isteri boleh merujuk dan memohon Perintah Mahkamah di Mahkamah Syariah berkenaan tunggakan nafkah kepada waris-waris lelaki di sebelah bapa (*al-mafqūd*) sekiranya suami tersebut tidak mampu menunaikan nafkah seperti yang sepatutnya (Nor Amira Abd Shakor 2023). Perkara ini diperuntukkan di bawah Seksyen 60 dan Seksyen 72(2), Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] yang menjelaskan bahawa kewajipan memberi nafkah

kepada isteri dan anak-anak akan bertukar kepada ahli waris yang lain iaitu ‘orang yang bertanggung’. Ia bermaksud ahli waris yang ditetapkan mengikut tertib *‘asobah* dalam faraid seperti datuk, bapa saudara dan sebagainya. Akan tetapi, bagaimana jika waris-waris *al-mafqūd* tersebut tidak berkemampuan atau lebih parah lagi tidak mahu memberi kerjasama dalam menjelaskan nafkah tersebut kepada isteri dan anak-anak *al-mafqūd*?

Jelasnya pada masa kini, masih ada segelintir masyarakat juga masih kabur mengenai masalah nafkah. Salah satu kes yang banyak dilaporkan ialah pengabaian nafkah anak oleh bapa walaupun telah mendapat Perintah Mahkamah (Nur Zulfah Abdul Salam & Nur Syazwani Mohd Khatib 2020). Jika seorang bapa yang mempunyai hubungan yang paling rapat dengan anak juga boleh bertindak sedemikian, apatah lagi ahli waris lelaki yang lain semasa tempoh ketiadaan si bapa itu. Hasil kajian Siti Nur Hazimah Hamid et al. (2020) mendapati bahawa terdapat tuntutan nafkah ke atas ahli waris dalam kes bapa hilang atau ghaib, namun peratusannya sangat sedikit berikutan tiada kesedaran masyarakat terutamanya ahli waris dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut. Apatah lagi mereka mengetahui pihak yang membuat tuntutan tersebut adalah pihak ibu yang diketahui sifatnya yang lemah dan kurang lantang bersuara. Tambahan pula, tiada penguatkuasaan dan tindakan dari aspek undang-undang diambil oleh pihak berkuasa sekiranya pengabaian dilakukan.

Ketiga, masyarakat kurang pengetahuan terhadap pihak berautoriti yang boleh dirujuk dalam aspek kebajikan ahli waris *al-mafqūd*. Menurut kajian Nor Amira Abd Shakor (2023), ahli waris boleh mendapatkan bantuan daripada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Walaupun peranan sebenar BSK adalah menuntut pengabaian nafkah daripada suami atau bapa kandung, peranan ini boleh diluaskan juga ke atas ahli waris *al-mafqūd* seperti datuk dan bapa saudara. Akan tetapi, kajian Agustin Hanafi & Mohamad Hedhayatullah Bin Mohamad (2018) mendapati masih ramai masyarakat yang belum mengetahui akan keberadaan BSK. Selain itu, ahli waris *al-mafqūd* juga boleh memohon bantuan pihak Baitulmal atau pemegang amanah yang diperakukan oleh pihak mahkamah sebagaimana peruntukan Seksyen 62 dan Seksyen 73(2) & (3), Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Pengkaji melihat kedudukan Baitulmal sebagai salah satu pihak di bawah konteks pemerintah yang boleh dilantik untuk membela nasib ahli waris *al-mafqūd* khususnya isteri dan anak-anak sepanjang kehilangan tersebut berlaku. Justeru, objektif kajian ini merangkumi dua perkara yang ingin dicapai iaitu:

- Mengetahui kedudukan *al-mafqūd* berdasarkan undang-undang yang diguna pakai oleh Baitulmal MAIWP

- Mengenal pasti peranan Baitulmal MAIWP dalam memelihara kebajikan ahli waris *al-mafqūd*

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan kepada reka bentuk kajian analisis dokumen secara deskriptif melalui kajian kepustakaan dan temu bual separa struktur. Kaedah analisis dokumen melibatkan bahan-bahan bercetak yang terdiri daripada sumber primer dan sekunder, termasuk penelitian terhadap Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 502]. Manakala temu bual separa struktur dilakukan terhadap seorang pegawai yang berkhidmat di Bahagian Agihan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Tujuan utama kaedah penyelidikan ini dipilih adalah bagi mendapatkan maklumat secara terperinci berkaitan peranan, skim dan bantuan yang diberikan oleh institusi Baitulmal MAIWP kepada ahli waris *al-mafqūd* sepanjang tempoh kehilangan tersebut berlaku. Selain itu, terdapat dua kaedah analisis kajian yang diguna pakai di dalam kajian iaitu deskriptif secara tematik dan kaedah deduktif.

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Biarpun di sisi syarak menetapkan bahawa harta *al-mafqūd* merupakan salah satu sumber harta Baitulmal, namun kajian Nor Amira Abd Shakor (2023) mendapati bahawa peruntukan berkaitan *al-mafqūd* tidak dinyatakan secara khusus di dalam undang-undang yang terpakai di Baitulmal terutama di Wilayah Persekutuan. Sebaliknya, dari aspek pelaksanaan itu wujud mengikut kelolaan dan keputusan Majlis negeri masing-masing. Tambahan pula, kajian Nor Amira Abd Shakor (2023) menekankan bahawa pelaksanaan pada hari ini tidak lagi melibatkan keseluruhan sumber hasil negara sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak kerana bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 60(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] hanya menyebut secara umum sahaja dan tidak diperincikan sumber harta tersebut kecuali di negeri Kelantan dan Sarawak yang menjelaskannya secara khusus (Fariza Mohamad Tajuddin 2016). Oleh itu, kedudukan *al-mafqūd* dan bidang kuasa Baitulmal diperincikan dalam perbincangan seterusnya.

##### 1. Kedudukan *al-Mafqūd* Berdasarkan Peruntukan Baitulmal MAIWP

Bertepatan dengan fungsi Baitulmal selaku pentadbir sumber hasil yang telah dinyatakan sebelum ini, Baitulmal mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai pemegang amanah terhadap mana-mana harta amanah *al-mafqūd*. Perkara ini diperuntukkan di bawah Seksyen 61, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]

yang menjelaskan bahawa Baitulmal boleh dilantik sebagai pemegang amanah ke atas harta golongan yang tidak mampu menguruskan harta seperti kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, orang kurang upaya (OKU) dan sebagainya. Hal ini bermakna, *al-mafqūd* juga merupakan salah satu pihak di bawah kategori yang sama. Walau bagaimanapun, temu bual pengkaji bersama pihak informan mendapati pelaksanaan bagi perkara tersebut di Baitulmal MAIWP masih belum ada sehingga ke hari ini memandangkan tiada peruntukan khusus yang menjelaskan golongan yang dinyatakan dan kes tersebut jarang dirujuk kepada pihak Baitulmal.

Baitulmal juga boleh dilantik sebagai pentadbir harta pusaka *al-mafqūd* yang telah disahkan meninggal dunia. Perkara ini diperuntukkan di bawah Seksyen 5(4), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dengan syarat Baitulmal memiliki hak dalam bahagian pusaka tersebut. Perkara ini juga diperuntukkan di dalam Seksyen 13(1), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) [Akta 98]:

Dengan syarat jika ada undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berhubungan dengan Baitulmal, Pentadbir Tanah hendaklah sebelum membahagikan apa-apa bahagian harta pusaka si mati beragama Islam, memuaskan dirinya bahawa apa-apa bahagian harta pusaka yang kena dibayar kepada Baitulmal telah dibayar sewajarnya atau peruntukan sesuai telah dibuat bagi pembayarannya.

Sebagai contoh, Warta Kerajaan bertarikh 5 September 1996, Fatwa di bawah Seksyen 34, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] menjelaskan mengenai keputusan pembahagian harta pusaka Yatim bin Ahmad yang telah meninggalkan waris dua orang isteri iaitu Fatimah Binti Idris dan Eisah Binti Hashim. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak memutuskan bahawa harta pusaka si mati dibahagikan secara faraid dan didapati terdapat bahagian pusaka Baitulmal di dalam pusaka tersebut. Namun, usaha mengesan dua orang waris yang dinamakan menemui kegagalan dan mereka dikategorikan sebagai *al-mafqūd*. Oleh itu, Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak memutuskan bahawa dua bahagian daripada harta pusaka yang menjadi hak waris-waris Allahyarham diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah. Jika waris-waris yang dinamakan itu atau waris kepada waris tersebut yang sah untuk menuntut bahagian itu ditemui, maka pihak Baitulmal akan menyerahkan semula kepada waris-waris yang berhak.

Selain itu, Baitulmal juga boleh bertindak sebagai *wasī* sekiranya pemiliknya ada mewasiatkan hartanya untuk ditadbir oleh Majlis sebelum dia hilang atau meninggal dunia. Sebagai contoh, tanah terbiar yang tidak diketahui siapa pemiliknya atau diketahui pemiliknya sebatang kara tetapi telah hilang dan tidak dapat dikesan bertahun-tahun lamanya sehingga diserahkan tanah tersebut kepada Baitulmal. Baitulmal mempunyai kapasiti untuk menjadi

pemohon sebagai pentadbir harta sekiranya pemilik asalnya ialah Islam. Prosesnya adalah sama seperti kes waris berkembar iaitu Baitulmal berkongsi hak bersama waris dalam bahagian pusaka. Situasi ini membolehkan Baitulmal untuk bertindak ke atas tanah tersebut sama ada mengusahakannya atau menjualnya bergantung kepada keputusan Majlis seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 5(3), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Baitulmal juga memainkan peranan sebagai pemegang amanah bagi penyelesaian hutang pihak ketiga sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 5(4) dan Seksyen 60(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]. Hutang pihak ketiga bermaksud penyelesaian hutang kepada pemiutang atau waris pemiutang yang tidak dapat dikesan (*al-mafqūd*), meninggal dunia dan tiada waris termasuklah hutang di kedai yang telah tidak wujud. Apabila penghutang tidak dapat mencari semula pemiutang atau waris pemiutang selepas dia berusaha membuat pencarian dan sebagainya, maka pihak tersebut boleh menyerahkan jumlah hutang itu kepada Baitulmal dan akan dikeluarkan resit atas pembayaran tersebut. Sekiranya terdapat sebarang tuntutan, maka pihak Baitulmal akan memulangkan semula jumlah hutang tersebut kepada mereka.

## 2. Baitulmal Sebagai Institusi Kebajikan Ahli Waris *al-Mafqūd*

Antara tujuan penubuhan Baitulmal ialah untuk memelihara kebajikan umat Islam dan membantu golongan fakir miskin melalui agihan zakat. Hal ini termasuklah ahli waris *al-mafqūd*. Pelaksanaan agihan zakat di setiap negeri adalah berbeza tertakluk kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Di Baitulmal MAIWP, agihan tersebut dipecahkan mengikut unit dan disebut sebagai Skim Bantuan Zakat. Ia dikuat kuasakan berdasarkan Dokumen Dasar Skim Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP tahun 2020 dan boleh berubah sekiranya berlaku sebarang pembaharuan (Nor Amira Abd Shakor 2023). Menerusi temu bual pengkaji bersama Pegawai di Bahagian Agihan Zakat, MAIWP, terdapat lima kategori utama bantuan iaitu Pembangunan Asnaf, Perlindungan, Ekonomi, Pendidikan dan Pembangunan Ummah. Secara keseluruhannya, terdapat 30 jenis skim bantuan yang disediakan oleh Baitulmal MAIWP kepada umat Islam di Wilayah Persekutuan khususnya isteri dan anak-anak *al-mafqūd*.

Permohonan skim bantuan ini boleh dilakukan di mana-mana cawangan Pusat Agihan Zakat (PAZA) mengikut parlimen di bawah MAIWP melalui borang yang boleh didapati di PAZA atau di laman web rasmi Baitulmal MAIWP. Pemohon perlu menyediakan dan menyertakan bersama dokumen-dokumen yang dikehendaki merujuk kepada senarai semak skim bantuan tersebut. Terdapat tiga peringkat tapisan

untuk sesuatu permohonan itu diluluskan iaitu peringkat Siasatan oleh pegawai di Bahagian Naziran dan Pantauan, seterusnya peringkat Peraku dan yang terakhir peringkat Pelulus. Setiap peringkat akan melalui proses penyiasatan latar belakang, butiran permohonan, dokumen sokongan termasuk jumlah bantuan yang boleh diberikan. Proses untuk meluluskan sesuatu permohonan berkemungkinan akan mengambil masa yang lama, maka Baitulmal menyediakan Skim Bantuan Kecemasan sekiranya pemohon memerlukan bantuan kewangan dalam kadar segera. Bantuan yang akan diberikan di bawah skim ini adalah secara tunai RM 50 atau pindahan bank sehingga RM 500 bergantung kepada budi bicara pegawai.

Permohonan boleh dibuat pada bila-bila masa biarpun sejeurus selepas kehilangan tersebut berlaku kerana tiada had masa ditetapkan bagi kes *al-mafqūd*. Kajian Nor Amira Abd Shakor (2023) mendapati kebanyakan permohonan yang diterima melibatkan kes-kes kehilangan ketua keluarga (*al-mafqūd*) di Baitulmal MAIWP adalah yang telah hilang dalam tempoh yang lama. Walau bagaimanapun, jumlah pemohon di bawah kategori *al-mafqūd* tidak dapat dikenal pasti berikutan sistem yang digunakan untuk memohon bantuan zakat di Baitulmal MAIWP iaitu Sistem Agihan Zakat (SMAZ) tidak boleh menjejaki sebab-sebab bantuan diberikan kepada pemohon. Di samping itu, semua permohonan skim bantuan di Baitulmal MAIWP bagi kategori *al-mafqūd* hanya boleh dibuat oleh isteri sahaja kerana isteri dianggap sebagai individu kedua yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas dirinya sendiri atau sesebuah keluarga walaupun dari sudut syaraknya isteri bukan penanggung nafkah.

Walaupun bagaimanapun, permohonan ini hanya boleh dibuat sekiranya pemohon menepati had kifayah yang ditetapkan oleh pihak Baitulmal MAIWP. Sistem had kifayah ialah suatu sistem yang digunakan untuk mengukur seseorang itu miskin atau tidak bergantung kepada kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos kadar hidup semasa. Melalui keputusan had kifayah tersebut, barulah seseorang itu boleh memohon skim-skim yang disediakan jika tergolong dalam golongan asnaf seperti fakir, miskin, muallaf, *al-gharīmīn* (orang yang berhutang), *ibnu sabīl*, *fi sabīlillah* dan *al-riqāb*. Kategori asnaf ini akan ditentukan oleh Bahagian Naziran dan Pantauan semasa di peringkat tapisan permohonan termasuk menentukan jumlah bantuan yang akan diberikan. Kebiasaannya, permohonan di bawah kategori *isteri al-mafqūd* akan diletakkan di bawah klausa “Keluarga Bermasalah” dan “Ibu Tinggal” dengan syarat ia perlu disertakan bersama salinan laporan polis bagi membuktikan sebab isteri menjadi pemohon dan pengganti ketua keluarga.

Menurut kajian Nor Amira Abd Shakor (2023), di bawah klausa tersebut akan ada pertambahan dari sudut had kifayahnya iaitu RM 250 setiap satu kerana isteri *al-mafqūd* dianggap menanggung lebih keperluan dan komitmen berbanding orang lain. Salah

satu skim bantuan di bawah konteks nafkah ialah Skim Bantuan Kewangan Bulanan yang bertujuan untuk menampung keperluan perbelanjaan ahli waris *al-mafqūd* seperti makanan, pakaian, perubatan dan sebagainya selain daripada rumah kerana ia dikhususkan di bawah Skim Bantuan Perlindungan. Adapun jika ahli waris *al-mafqūd* berhadapan masalah yang berkaitan hutang pinjaman bank contohnya hutang bulanan rumah, Baitulmal tidak menyediakan perkhidmatan tersebut kerana Skim Bantuan Perlindungan tidak boleh digunakan bagi kategori *al-gharīmīn*. Tambahan pula, Baitulmal hanya menyediakan bantuan bagi menampung sewa bulanan rumah sahaja yang nilainya tidak melebihi RM 1000 sebulan.

Begitu juga sekiranya keluarga *al-mafqūd* menghadapi masalah kewangan selepas kehilangan tersebut berlaku misalnya *al-mafqūd* diisytihar mufliis akibat hutang piutang yang tidak mampu ditanggung oleh ahli waris sepanjang tempoh penantian. Maka, Baitulmal boleh menyalurkan bantuan melalui skim-skim yang disediakan dengan syarat perlu disertakan bersama surat mufliis dari Jabatan Insolvensi Malaysia. Tempoh bantuan yang diberikan adalah selama satu tahun (*kifāyah al-sanah*) dan akan ada siasatan oleh Baitulmal selepas enam bulan bantuan diberikan bagi memastikan tiada penipuan terhadap permohonan. Selepas tempoh tersebut tamat, pemohon perlu membuat permohonan semula berserta dokumen baru.

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, harta *al-mafqūd* merupakan salah satu sumber harta di Baitulmal sebagaimana yang dinyatakan oleh syarak. Di Baitulmal MAIWP, pengkaji mendapati bahawa terdapat definisi khusus *al-mafqūd* di dalam peruntukan mereka namun bidang kuasanya terhad kerana belum ada peruntukan yang khusus berkenaan harta *al-mafqūd* dan hanya sebahagian pelaksanaan sahaja yang dapat dikenal pasti. Antaranya ialah Baitulmal MAIWP boleh dilantik sebagai pemegang amanah namun hanya terhad bagi penyelesaian hutang pihak ketiga iaitu pembayaran hutang kepada pemiutang atau waris pemiutang yang tidak dapat dikesan (*al-mafqūd*) sahaja. Biarpun bidang kuasa Baitulmal sebenarnya boleh dilantik sebagai pemegang amanah ke atas harta golongan yang tidak mampu menguruskan harta, akan tetapi ia terkecuali bagi kes *al-mafqūd* kerana tidak termasuk di dalam golongan yang dinyatakan dan kes tersebut jarang dirujuk kepada pihak Baitulmal. Selain itu, Baitulmal MAIWP juga boleh dilantik sebagai pentadbir harta pusaka *al-mafqūd* yang telah disahkan meninggal dunia dengan syarat mempunyai hak dan bahagian dalam harta pusaka *al-mafqūd* atau bertindak sebagai *wasī* sekiranya pemilikinya ada mewasiatkan hartanya untuk ditadbir oleh Majlis sebelum dia hilang atau meninggal dunia. Seterusnya dari aspek memelihara kebajikan ahli waris *al-mafqūd*, Baitulmal MAIWP menyediakan 30 jenis skim bantuan melalui

agihan zakat yang boleh dipohon oleh isteri dan anak-anak *al-mafqūd* di bawah lima kategori utama bantuan iaitu Pembangunan Asnaf, Perlindungan, Ekonomi, Pendidikan dan Pembangunan Ummah. Permohonan boleh dibuat pada bila-bila masa sekalipun sejeurus selepas kehilangan berlaku, namun ia tertakluk kepada syarat dan kelulusan yang ditetapkan oleh pihak Baitulmal MAIWP. Justeru, pengkaji mencadangkan agar sebuah kajian lanjutan berkenaan bidang kuasa Baitulmal sebagai pemegang amanah harta *al-mafqūd* dilakukan dengan lebih mendalam khususnya di Wilayah Persekutuan. Di samping itu, peranan Baitulmal MAIWP sebagai institusi kebajikan ahli waris *al-mafqūd* juga wajar diperkasakan dengan lebih komprehensif agar ia tidak terhad kepada aspek kewangan sahaja.

#### RUJUKAN

- °Abdul Karūm al-Khatīb. 1998. *al-Siyāsah al-Māliyyah fi al-Islām wa Ṣalatahā bi al-Muʿāmalāt al-Muʿāṣirah*. Bayrūt: Dar al-Maʿrifat.
- Agustin Hanafī & Mohamad Hedhayatullah Bin Mohamad. 2018. Peran Bahagian Sokongan Keluarga dalam Masalah Pemenuhan Nafkah Isteri Pasca Perceraian (Studi Kasus di Mahkamah Tinggi Syariah Kedah, Malaysia). *Pusat Jurnal UIN ar-Raniry* 20(1): 57-74.
- al-Khin, Mustafā, al-Bughā, Mustafā. & al-Syarbajī, °Alī. 2015. *al-Fiqh al-Manhajī °alā Mazhab al-Imām al-Syafiʿī*. Ed. ke-15. Damshīq: Dar al-Qalam.
- al-Marghūnānī, Burhan al-Dīn., °Alī Abī al-Hassan bin Abī Bakr bin °Abdū al-Jalīl al-Farghānī. t.th. *Matan Bidāyah al-Mubtadi fī Fiqh al-Imām Abī Hanīfah*. Qāhirah: Maktabah Muhammad °Alī Subh.
- al-Marghūnānī, Burhan al-Dīn., °Alī Abī al-Hassan bin Abī Bakr bin °Abdū al-Jalīl al-Rushdānī. 2008. *al-Hidāyah Sharh Bidāyah al-Mubtadi*. Qāhirah: Dar al-Hadith.
- al-Shalabīy, Ahmad. 1993. *al-Iqtisād fī al-Fikr al-Islāmī*. Cet.10. Qāhirah: Maktabah al-Nahdah al-Misrīyah.
- Fariza Mohamad Tajuddin. 2016. Pengurusan harta pusaka kanak-kanak menurut perspektif Islam dan undang-undang di Malaysia. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Manzūr, Muhammad ibn Mukarram. 1414. *Līsān al-°Arab*. Ed. ke-3. Bayrūt: Dar al-Sādir.
- Majma° al-Lughah al-°Arabīyah. 2004. *al-Muʿjam al-Wasīl*. al-Qāhirah: Maktabah al-Shuruk al-Dawliyah.
- Mohammad Haji Alias & Mohd Farihal Osman. 2018. Keberdayaan baitulmal dalam menangan

- permasalahan sosio ekonomi ummah. *JAWHAR*: 1-14.
- Mohd Kamarul Khaidzir Saadan, Mohamad Sabri Haron & Ahmad Murshidi Mustapha. 2019. Tansaksi harta orang hilang menurut syarak dan undang-undang. *Journal of Muwafaqat* 2(1): 116–131.
- Muhammad Assyifaa Ulhayat Jahidin, Mohamad Hilmi Mat Said & Mohd Saifuddin Abdul Karim. 2021. Baitulmal management during the time of rasulullah saw and the ruling of khulafa ar-rashidin. *Jurnal al-Siraṭ* 19(2): 103-111.
- Nor Amira Abd Shakor. 2023. Penentuan pentadbir harta orang hilang (*al-mafqūd*) dan pengurusannya menurut syarak dan perundangan di Malaysia. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Zulfah Abdul Salam & Nur Syazwani Mohd Khatib. 2020. Isu tunggakan nafkah: keperluan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Jurnal Muwafaqat* 3(1): 38-51.
- Siti Nur Hazimah Hamid, Bahiyah Ahmad, Shahidra Abd Khalil & Zunaidah Mohd Marzuki. 2020. Pembiayaan nafkah anak yatim: tinjauan menurut perspektif fiqh, undang-undang keluarga islam Malaysia serta kefahaman dan amalan masyarakat. *Jurnal Akademika* 90(1): 137–149.
- Wan Zahari Wan Yusoff, Muhammad Azwan Sulaiman & Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari. 2019. isu dan penyelesaian harta *al-mafqūd*: satu pemerhatian. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 2(2): 13-33.